

**PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM PROGRAM  
HOMESTAY BERASASKAN EKOPELANCONGAN:  
KAJIAN KES DI KAMPUNG SERI SERBANG  
BONGAWAN, PAPAR, SABAH.**

***COMMUNITY PARTICIPATION IN ECOTOURISM-BASED  
HOMESTAY PROGRAM: A CASE STUDY OF KAMPUNG SERI  
SERBANG BONGAWAN, PAPAR, SABAH.***

Syafiqah Syuhada Binti Samsul<sup>1</sup>, Rosazman Hussin<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Borneo Institute for Indigenous Studies (BorIIS)  
Universiti Malaysia Sabah

<sup>2</sup>Borneo Institute for Indigenous Studies (BorIIS)  
Universiti Malaysia Sabah

[syafiqahsyuhada.shamsul@hotmail.com](mailto:syafiqahsyuhada.shamsul@hotmail.com), [azzs@ums.edu.my](mailto:azzs@ums.edu.my)

Corresponding author: Rosazman ([azzs@ums.edu.my](mailto:azzs@ums.edu.my))

**ABSTRACT**

*The ecotourism-based homestay program is often associated with the involvement of rural communities as the main driver of developing rural tourism. However, in the early stages of the establishment of homestay in Kg. Seri Serbang, there are some challenges that are forced to face by this program sponsor such as community members who are less interested in participating, less knowledge and less confident about the benefits of the homestay program. However, through support by the Ministry of Tourism, Culture and Environment, Sabah and the Ministry of Rural Development, Sabah, homestay program was successfully introduced in this village. Community involvement in ecotourism activities has become one of the alternatives of new economic and employment activities based on ecotourism activities as well as helping meet the demand and needs of domestic and international tourists to visit this village. The main approach of this study is qualitative study. The data collection method used in this study is an in-depth interview with Participants and Homestay Committee Kg. Seri Serbang. The results showed that the local community in Kg. Seri Serbang began to show interest in participating after several individuals showed success through their involvement in the ecotourism-based homestay program. However, the*

*challenge is still faced by most homestay participants in this kg such as competition with private accommodation operators in the area or town of Bongawan. While the issue of riverbank erosion and efforts to maintain wildlife such as monkey battle and fireflies are a big challenge for the sustainability of homestay and ecotourism programs to continue to attract tourists to this village in the future.*

**Keywords:** *Community Involvement, Homestay Program, Ecotourism, Challenges.*

### **ABSTRAK**

Program *homestay* berasaskan ekopelancongan sering dikaitkan dengan penglibatan komuniti luar bandar sebagai penggerak utama membangunkan pelancongan desa. Namun, pada peringkat awal penubuhan *homestay* di Kg. Seri Serbang ini terdapat beberapa cabaran yang terpaksa dihadapi oleh penaja program ini seperti ahli komuniti kurang berminat untuk turut serta, kurang pengetahuan dan kurang yakin terhadap faedah yang diperolehi dari program *homestay*. Namun, melalui sokongan oleh pihak Kementerian Pelancongan, Budaya dan Alam Sekitar, Sabah bersama Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sabah program *homestay* berjaya diperkenalkan di kampung ini. Penglibatan komuniti dalam aktiviti ekopelancongan menjadi salah satu alternatif kegiatan ekonomi dan pekerjaan baru berasaskan aktiviti ekopelancongan sekaligus membantu memenuhi permintaan serta kehendak pelancong domestik dan antarabangsa untuk berkunjung ke kampung ini. Pendekatan utama kajian ini adalah kajian kualitatif. Kaedah kutipan data melalui temu bual mendalam adalah bersama peserta dan Jawatankuasa Homestay Kg Seri Serbang. Hasil kajian menunjukkan bahawa komuniti setempat di Kg. Seri Serbang ini mula menunjukkan minat untuk turut serta setelah beberapa individu menunjukkan kejayaan melalui penglibatan mereka dalam program *homestay* berasaskan ekopelancongan ini. Walau bagaimana pun cabaran masih lagi dihadapi oleh kebanyakan peserta *homestay* di kampung ini seperti berlakunya persaingan dengan pengusaha penginapan swasta yang ada di kawasan pekan Bongawan ini. Manakala isu hakisan tebing sungai dan usaha untuk mengekalkan hidupan liar seperti monyet bangkutan dan kelip-kelip merupakan cabaran besar untuk kelestarian program *homestay* dan ekopelancongan agar terus berjaya menarik kehadiran pelancong ke kampung ini pada masa depan.

**Kata Kunci:** Penglibatan Komuniti, Program *Homestay*, Ekopelancongan, Cabaran.

## Pengenalan

Di kebanyakan negara membangun, pelancongan dijadikan sebagai strategi pembangunan terutamanya di kawasan luar bandar (Forstner, 2004; Hall dan Jenkins, 1998). Industri pelancongan berperanan dalam menjana peluang pekerjaan serta menjadi pemangkin kepada pembangunan infrastruktur di peringkat komuniti luar bandar. Pelancongan ini semakin menjadi tumpuan dan mula bersaing apabila sering dikaitkan dengan pelancongan desa di mana diperkenalkan oleh komuniti setempat mengenai produk yang dimiliki. Melalui Pembangunan Pelancongan Desa, komuniti setempat atau masyarakat luar bandar diberi peluang untuk sama-sama terlibat dalam menjayakannya. Hasilnya, secara tidak langsung Pelancongan Desa telah dapat menjana ekonomi masyarakat setempat dan sekaligus membantu kerajaan dalam usaha membasmi kadar kemiskinan dan pengangguran (Zaki, Johan dan Norria, 2011). Pemilihan kampung yang terlibat dibuat secara teliti dan mematuhi garis panduan ketat yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan demi memastikan hanya *homestay* Malaysia yang terunggul diketengahkan (Tourism Malaysia, 2010).

Program *homestay* merupakan salah satu daripada program yang dijalankan untuk memajukan kawasan luar bandar yang amat memerlukan penglibatan komuniti untuk menjayakannya. Hal ini bertujuan untuk menggalakkan penglibatan masyarakat luar bandar untuk menyertai sektor pelancongan negara.

Kewujudan *homestay* di Kg. Seri Serbang telah menjadi tarikan bagi pelancong dalam mahupun luar negara yang berkunjung. Tambahan lagi, selain daripada mempunyai tempat penginapan yang berkonsepkan *homestay*, kawasan tersebut mempunyai dan menyediakan fasiliti dan beberapa aktiviti yang menarik dan mampu membuat para pelancong menghabiskan masa percutian mereka dengan baik. Selain itu, pelancongan *homestay* yang dijalankan di Kg. Seri Serbang juga telah mendatangkan manfaat yang baik kepada ahli komuniti dari segi penyediaan peluang pekerjaan untuk menambahkan peluang pendapatan yang tinggi. Pada tahun 1996, Kampung Seri Serbang telah memenangi tempat ketiga dalam pertandingan kebersihan dan keindahan kampung pada peringkat daerah Papar (Jeffery Hossil, 2018). Oleh itu, hal ini memperlihatkan potensi kampung ini sebagai destinasi tarikan kepada orang luar untuk berkunjung kerana keindahan dan kebersihan yang dijaga oleh komuniti kampung

tersebut. Manakala pada tahun 1998 kampung ini telah didaftarkan kepada Gerakan Desa Wawasan sebelum ia diubah lagi kepada Gerakan Daya Wawasan dan pada masa sekarang kampung ini telah dianugerahkan sebagai kampung Desa Lestari disebabkan pencapaian dalam memajukan pembangunan kampung tersebut dengan melibatkan diri dalam bidang pelancongan (Jeffery Hossil, 2018).

Penubuhan *homestay* menjadi salah satu titik permulaan yang diusahakan oleh ahli komuniti kampung itu untuk memasuki bidang pelancongan. Pembangunan pelancongan *homestay* adalah pencetusan idea dari salah seorang pengerusi JKK di Kg. Seri Serbang kerana menurut beliau keadaan sekitar kampung ini mempunyai daya tarikan secara semula jadi terhadap pelancong luar. Selain daripada itu, pandangan daripada orang luar seperti pegawai Agensi Hidupan Liar yang datang berkunjung telah menyatakan cadangan untuk membangunkan Kg. Seri Serbang sebagai pusat pelancongan. *Homestay* Seri Serbang telah didaftarkan pada 09 Januari 2015 sebagai penginapan pelancongan yang telah sah berdaftar di bawah program *homestay* Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Tambahan lagi, melalui Pelan Induk Pelancongan Desa yang telah memberi peluang bagi peserta tuan rumah *homestay* untuk mengikuti kursus dan latihan yang dianjurkan oleh Institut Pembangunan Desa (INFRA) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah.

“...Saya punya idea. Jadi, saya sebagai pengerusi JKK mahukan kemajuan kampung. Jadi ikut taklimat daripada INFRA. Jadi INFRA bagi pandangan wujudkan sebuah *homestay* sebab sebelum tu ada juga dari pelajar-pelajar tahun 2013 atau 2014, dia orang nampak ada potensi pada kawasan ini sebagai tempat pelancongan” (Jeffery Hossil, 2018)

Setelah itu, pada 28 Mac 2015, *homestay* Kampung Seri Serbang Bongawan telah beroperasi dan dirasmikan oleh YB Datuk Mohamad bin Alamin merupakan Adun Bongawan. Hal ini membuktikan bahawa kegiatan aktiviti pelancongan *homestay* tersebut telah sah berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (Jeffery Hossil, 2018).

## **Sorotan Literatur: Definisi Konsep, Tipologi dan Ulasan Kajian Lepas**

### **Penglibatan Komuniti**

Penglibatan dan kawalan komuniti setempat dalam pembangunan pelancongan merupakan dua elemen penting dalam memastikan keberkesanan pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti (PBK) (Mitchell dan Asley, 2010; Scheyvens, 2002; Mann, 2001), malahan elemen-elemen tersebut dijadikan antara indikator dalam menilai kejayaan pembangunan pelancongan (Nyaupane *et al.*, 2006; Scheyven, 1999). Selain itu, penglibatan komuniti dalam proses membuat keputusan bukan sahaja memberikan impak positif dari aspek ekonomi tetapi juga membina rasa kepunyaan dalam diri kalangan ahli komuniti terhadap projek pelancongan (Kalsom Kayat & Nor Ashikin, 2006).

Tambahan lagi, penglibatan komuniti sebagai “satu bentuk tindakan sukarela yang melaluinya individu mengambil peluang dan memikul tanggungjawab kemasyarakatan” (Tosun, 2000:614). Penglibatan komuniti adalah satu proses di mana masyarakat bekerjasama dengan penggerak pembangunan dan melibatkan diri dalam usaha pembangunan yang akhirnya akan memberi kesan terhadap keadaan dan taraf hidup mereka sendiri. Penglibatan komuniti memastikan bahawa keperluan dan aspirasi komuniti tersebut tidak diabaikan dan hasilnya ialah ahli komuniti itu akan mendapat didikan dan seterusnya diperkasakan (Tosun, 2000:615).

### ***Homestay***

Menurut Jamiliah Jamil (2006), pelancongan *homestay* adalah satu terma spesifik yang merujuk kepada kesatuan kebudayaan. Di Australia, *homestay* dijalankan di rumah ladang, manakala di Amerika Syarikat pula *homestay* dikenali sebagai Foreign Language Sector. Manakala menerusi Huda Farhana Mohamad Muslim, Shinya Numata & Noor Azlin Yahya (2018), peniaga *homestay* juga boleh menyumbangkan pendapatan tambahan kepada penduduk tempatan untuk memupuk kesedaran mengenai pemuliharaan warisan budaya Malaysia.

Selain itu, Othman (2010) menyatakan konsep *homestay* adalah tempat atau pusat tumpuan pelancongan yang mempunyai ciri-ciri yang menarik, damai serta mempunyai keistimewaan yang tersendiri di mana terletak di; sebuah kawasan perkampungan yang terpencil atau jauh dari pusat bandar. Konsep *homestay* mampu memberikan para pelancong melihat budaya asli kampung yang diperkenalkan oleh ahli komuniti setempat sambil menikmati keindahan landskap di kawasan kampung.

## **Aktiviti Ekopelancongan**

Menurut Ceballos-Lascurain (1996), ekopelancongan adalah menggalakkan pemuliharaan alam sekitar yang bersifat semula jadi termasuk ciri-ciri kebudayaan tanpa mengakibatkan kesan negatif. Tambahan lagi, aktiviti ekopelancongan melibatkan masyarakat setempat yang mampu menjana aktiviti sosioekonomi (Scheyvenes, 1999; Ros & Wall, 1999a; Weaver, 2001).

Selain itu, Eagels (1996) telah merumuskan tujuh prinsip ekopelancongan yang wajar dijadikan panduan. Prinsip yang pertama dinyatakan adalah seperti ekopelancongan semestinya membawa kepada pemuliharaan alam semula jadi dan faedah ekonomi tempatan. Kedua, pengusaha ekopelancongan baik sektor mahupun swasta mesti mempunyai strategi persekitaran serta kakitangan yang mahir. Ketiga, pembangunan ekonomi pelancongan harus peka dengan kebudayaan dan sensitiviti pembangunan masyarakat setempat. Keempat ekopelancongan perlu dilaksanakan bagi memberi keuntungan kepada penduduk tempatan sama ada dari segi sosial ekonomi atau sistem ekologi. Prinsip kelima, sebaran maklumat dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi adalah mustahak. Keenam, perancangan dan pengurusan yang baik juga penting bagi menjamin kejayaan dalam jangka panjang dan ekopelancongan serta perlindungan alam sekitar memerlukan pembangunan struktur pengurusan yang kukuh bagi menangani penerokaan berleluasa di kawasan yang sensitif.

## **Tipologi Penglibatan Komuniti Oleh Pretty (1995)**

Tipologi atau tahap penglibatan komuniti diperkenalkan oleh pengkaji awal dalam mengetahui penglibatan komuniti seperti Arnstein (1969), Pretty (1995) dan Tosun (1999) bagi menggariskan tahap pemeraksanaan dalam proses perancangan. Tipologi penglibatan komuniti ini menunjukkan tahap penyertaan komuniti dipengaruhi oleh dinamika hubungan dengan pengagihan kuasa. Di samping itu, tipologi ini juga digunakan untuk mengenal pasti spektrum penyertaan komuniti, terutamanya dalam sesuatu proses pembangunan.

**Jadual 1: Tahap Penglibatan Komuniti**

| Jenis  | Ciri-Ciri   |
|--|---|
| Penglibatan Manipulatif  | Wakil penduduk yang dilantik sebenarnya hanya boneka dan mereka tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan.  |
| Penglibatan Pasif  | Peserta hanya dimaklumkan tentang keputusan yang telah dibuat tanpa diberi ruang untuk memberikan maklum balas. Lebih menekankan pendapat professional luar.  |
| Penglibatan melalui Perundingan  | Penduduk hanya memberi input kepada soalan ditanya, dan proses perancangan serta membuat keputusan ditentukan oleh pakar luar. Perkongsian maklumat sehalu tanpa mendapatkan pandangan penduduk.  |
| Penglibatan bermotivasikan pulangan material yang diperlukan oleh penduduk | Penglibatan penduduk hanya melalui tenaga buruh dan sumber tanah untuk mendapatkan pulangan dalam bentuk material atau wang semata-mata. Penduduk tidak diberikan pendedahan mengenai kemahiran baru yang boleh dimanfaatkan pada masa hadapan sekiranya projek selesai.  |
| Penglibatan berfungsi  | Penduduk dilibatkan hanya setelah keputusan penting dibuat oleh pakar luar. Penglibatan masyarakat dilihat dapat membantu mencapai matlamat projek, khususnya untuk mengurangkan kos. Penduduk turut terlibat dalam membuat keputusan bagi sesetengah perkara dan mempunyai hubungan dua hala.                                    |
| Penglibatan interaktif   | Penglibatan masyarakat adalah hak, bukan hanya diperlukan untuk membantu mencapai objektif projek. Komuniti dilibatkan dalam proses perancangan dan membuat keputusan. Melibatkan pendekatan interdisiplinary dan kaedah pembelajaran yang sistematik. Penduduk mempunyai kawalan yang signifikan ke atas projek pembangunan yang |

---

diaksanakan.

---

|                                |   |
|--------------------------------|---|
| Penglibatan pergerakan sendiri | Penduduk mengambil inisiatif untuk melaksanakan projek pembangunan tanpa bergantung kepada institusi luar. Menjalin hubungan dengan agensi luar untuk mendapatkan sumber dan nasihat teknikal tetapi mempunyai kawalan penuh ke atas penggunaan sumber. Boleh dicapai sekiranya pihak kerajaan atau NGO memberi bantuan dan sokongan. |
|--------------------------------|---|

---

Sumber: Mowforth & Munt (1998:241)

Penglibatan manipulatif merujuk kepada situasi di mana penglibatan adalah pada nama sahaja dan komuniti sebenarnya tidak mempunyai apa-apa suara serta kuasa dalam proses membuat keputusan. Hal ini menunjukkan keputusan hanya boleh dibuat oleh pihak yang berpengaruh tanpa mengambil kira pandangan penduduk setempat ataupun wakil penduduk berkenaan. Tambahan lagi, jenis penglibatan ini juga telah dibincangkan oleh Arnstein (1969) yang menggunakan istilah “penglibatan secara manipulasi”.

Tahap penglibatan pasif menekankan ahli komuniti diletakkan dalam sesebuah panel penasihat dengan tujuan mendapatkan sokongan komuniti setempat ataupun sekadar untuk memberi pendedahan bahawa wujudnya sesuatu projek pembangunan di sesuatu kawasan. Oleh itu, penglibatan ini dianggap sebagai ilusi semata-mata memandangkan keputusan masih dibuat oleh pihak luar.

Seterusnya tahap penglibatan adalah penglibatan melalui perundingan di mana penglibatan bermotivasikan pulangan material yang diperlukan oleh penduduk dan penglibatan berperanan. Secara ringkasnya, ahli komuniti diberi input tentang sesebuah projek pembangunan tetapi mempunyai ruang yang terhad untuk memberi maklum balas mahupun idea yang dimiliki. Kawalan pembangunan terletak di tangan pihak pentadbir, dan penduduk dijanjikan pulangan material; sama ada berbentuk pemberian saham serta dividen, geran tanah, pekerjaan, infrastruktur dan kemudahan asas. Manakala jenis penglibatan interaktif dan penglibatan pergerakan sendiri pula merupakan dua keadaan di mana penglibatan komuniti adalah pada tahap yang tinggi. Komuniti melibatkan diri secara aktif dan mempunyai kuasa dalam membuat keputusan (Kayat, K., & Nor, N. A. M., 2006).



Berdasarkan kajian mendapati bahawa penglibatan ahli komuniti Kg. Seri Serbang adalah pada tahap penglibatan pergerakan sendiri disebabkan motivasi diri untuk berjaya di samping melihat potensi alam semula jadi yang mampu berkembang untuk dijadikan sebagai pendapatan sampingan. Tambahan lagi, Pengerusi *Homestay* Seri Serbang menyatakan penglibatan beliau dikatakan menjadi salah satu permulaan yang baik di mana beliau tidak dipengaruhi oleh institusi luar untuk memperbaiki kehidupannya sendiri serta ahli komuniti setempat yang terlibat, namun beliau hanya diberikan pendapat dari pihak luar secara pandangan kasar terhadap situasi kampung tersebut. Justeru itu, beliau mengambil keputusan untuk bergerak sendiri bagi menceburi dalam bidang pelancongan ini. Walaupun, pada awal pembukaan *homestay* di kawasan tersebut telah mempunyai pelbagai tentangan di mana kurang mendapat persetujuan dalam penglibatan ahli komuniti kerana khuatir mengenai pengurusan yang rumit serta tiada pengalaman (Jeffery Hossil, 2018).

Tambahan lagi, ahli komuniti melibatkan diri mereka dalam program ini sebagai peserta tuan rumah (*host*) atau sebagai ahli dalam jawatankuasa *homestay*. Setiap ahli komuniti perlu memohon untuk menjadi tuan rumah atau hos yang menawarkan rumah mereka sebagai rumah tumpangan kepada tetamu dan keluarga mereka sebagai keluarga angkat kepada tetamu. Manakala yang tidak memohon, telah melibatkan diri dalam program *homestay* ini dengan memainkan peranan sebagai pemandu pelancong kepada pengunjung dan melibatkan diri dalam persembahan budaya kepada pelancong. Bukan itu sahaja, penyediaan jamuan yang lazimnya dibuat secara bergotong-royong adalah untuk meraikan dan bermesra dengan pengunjung dan memberikan sokongan yang di anjurkan oleh jawatankuasa untuk para pelancong (Jeffery Hossil, 2018).

Ahli komuniti yang terlibat telah diberi peluang untuk mengutarakan cadangan dalam proses perancangan dan pembangunan. Secara tidak langsung, hal ini membantu pihak ahli jawatankuasa mendapat sokongan dari kalangan ahli komuniti. Hasil temubual yang dijalankan terhadap ahli komuniti menunjukkan bahawa penyertaan program *homestay* adalah ingin membangunkan diri dan dihormati bagi memenuhi keperluan kemajuan diri. Walau bagaimanapun, terdapat ahli komuniti yang menyatakan bahawa wang ringgit bukan faktor utama mereka melibatkan diri, namun mereka mengakui program ini merupakan satu program yang dapat membantu menghasilkan pendapatan kepada ahli keluarga di samping memupuk semangat bekerjasama dan perpaduan dalam kalangan ahli komuniti Kampung Seri Serbang (Wak Suratman, 2018).

## **Ulasan Kajian Lepas: Faktor Penglibatan Ahli Komuniti dalam Program *Homestay***

Penglibatan ahli komuniti telah menunjukkan peranan yang dilihat sebagai salah satu faktor motivasi. Manakala Cole (1995) menyatakan penglibatan ahli komuniti mempunyai beberapa faktor dalaman yang boleh digunakan dalam program pembangunan. Pelbagai faktor yang diperjelaskan termasuk kesedaran mengenai faedah yang boleh diperolehi dari program yang ahli komuniti sertai. Tambahan lagi, keperluan sosial yang diperlukan oleh ahli komuniti setempat. Jika dilihat di Kg. Seri Serbang ini, ahli komuniti mempunyai keinginan agar sumber alam yang dimiliki serta keunikan kebudayaan mereka dipersembahkan kepada masyarakat luar. Hal ini kerana salah satu hasil usaha untuk memajukan pembangunan pelancongan yang dibangunkan dan menjadi suatu perkara yang memotivasikan ahli komuniti yang terlibat. Tambahan lagi, menurut Yahya Ibrahim (2008), melihat komuniti adalah sebahagian kumpulan manusia yang tinggal disuatu penempatan serta mengamalkan satu tahap autonomi melalui aturan mereka tersendiri.

Majoriti ahli komuniti yang terlibat sebagai peserta program *homestay* yang ditemubual telah menyatakan bahawa faktor penglibatan diri adalah kerana ingin memajukan diri sendiri. Tambahan lagi, ia juga membangunkan keyakinan diri ahli komuniti di mana melalui pengiktirafan yang diberikan oleh orang luar tentang keunikan nilai budaya mereka serta sumber alam sekitar yang pelbagai. Menurut Rosazman Hussin dan Velan Kunjuran (2014) masyarakat kampung beranggapan berkongsi manfaat daripada sektor pelancongan kepada semua lapisan masyarakat dengan menggalakkan penyertaan penduduk luar bandar di dalam industri pelancongan. Selain itu, penyertaan ahli komuniti ini akan meningkatkan pendapatan serta taraf hidup masyarakat kampung, di mana kekayaan daripada industri pelancongan dapat dinikmati bersama oleh semua lapisan masyarakat. Oleh yang demikian, usaha ahli komuniti membuatkan mereka melakukan pelbagai cara bagi meningkatkan kejayaan dengan mengikuti kursus yang ditawarkan. Selain itu, kesemua ahli komuniti yang terlibat mengakui bahawa program sebegini mampu membantu menghasilkan pendapatan sampingan yang lumayan. Tambahan lagi, keluarga yang menjadi pemilik *homestay* menerima faedah kewangan melalui pembayaran untuk kemudahan yang mereka sedikan kepada tetamu, manakala bagi yang

menguruskan aktiviti ekopelancongan pula berkongsi faedah ekonomi menerusi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan (Wak Suratman, 2018). Antara produk dan perkhidmatan yang ditawarkan ialah makanan, cenderahati dan pemandu pelancong sambilan. Hal ini berikutan kebanyakan dalam kalangan ahli komuniti mempunyai pekerjaan lain selain daripada mengurus program *homestay* serta aktiviti ekopelancongan (Jeffery Hossil, 2018).

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah kutipan data kualitatif utama untuk kutipan data adalah temu bual secara mendalam Bersama informan. Informan utama kajian ini adalah melibatkan ahli Jawatankuasa *Homestay* serta ahli komuniti yang terlibat dalam program *homestay* dan beberapa aktiviti ekopelancongan yang dijalankan. Seterusnya, setiap sesi temu bual dirakam menggunakan alat perakam suara dipindahkan ke dalam bentuk transkrip dan dianalisis secara tema dan sub-tema (tematik). Temu bual dan transkrip dalam kajian ini dilakukan dengan menggunakan Bahasa Melayu.

Kaedah temu bual merupakan kaedah di mana soal jawab antara responden dengan pengkaji secara bersemuka. Kaedah ini, boleh dilakukan di mana-mana sahaja, samada di rumah responden, di kawasan lapang ataupun di tempat kerja responden. Pendekatan kualitatif menjadi pilihan pengkaji disebabkan kepelbagaian kaedahnya yang meliputi penafsiran dan naturalisme terhadap subjek kajian. Apa yang disebutkan oleh responden merupakan data penting kajian. Tindak balas yang relevan akan dicatatkan kata demi kata. Melalui kaedah ini seseorang pengkaji boleh memperoleh kefahaman yang meluas dan sempurna dengan cara “mendalami” sesebuah topik tertentu (Jasmi, K. A. 2012). Selain itu, penyelidikan kualitatif ini menjadi tumpuan kerana ia memenuhi ciri-ciri kajian yang ingin diaplikasikan oleh penyelidik. Penyelidikan kualitatif ini mempunyai tiga ciri utama iaitu hasil pemerhatian, hasil pembicaraan dan bahan tertulis (Scheyvens & Storey ed. 2003: 57).

Kajian ini telah dilakukan di Kg. Seri Serbang, Bongawan di daerah Papar. Penyelidik telah memilih lokasi ini kerana potensi berkembang maju di mana kampung ini memiliki aktiviti ekopelancongan yang menarik serta pembangunan pelancongan *homestay* yang menjadi salah satu industri pelancongan yang terkenal di Sabah. Hal ini yang demikian kerana kawasan

kampung ini mempunyai Pelan Lokasi yang menyediakan tarikan pemandangan matahari terbenam yang menarik serta aktiviti menaiki bot di mana pelancong dapat merasai pengalaman sendiri dengan melihat haiwan liar seperti spesies Bayau, monyet serta melihat spesies kelip-kelip pada waktu malam. Tambahan lagi, keindahan Kg. Seri Serbang yang mempunyai tanaman pokok bunga yang cantik serta suasana kampung yang nyaman.



Gambar 1: Pelan Lokasi, Kampung Seri Serbang, Bongawan.

Keunikan kampung ini diserikan lagi dengan cara kehidupan serta budaya suku kaum Brunei yang menjadi tarikan pelancong mempelajari budaya yang berbeza. Terdapat juga produk pelancongan yang dipamerkan di kampung tersebut seperti cara berpakaian tradisional, tarian tradisional dan alatan muzik tradisional iaitu Gabus di mana para pelancongan akan diberi tunjuk ajar oleh ahli komuniti. Bukan itu sahaja, ahli komuniti ini juga turut memperkenalkan sajian asli budaya suku kaum Brunei terutamanya pelancong yang berasal dari luar negara dengan tujuan meningkatkan lagi nilai keharmonian suku kaum mereka. Oleh yang demikian, perilaku ahli komuniti Kg. Seri Serbang menjadi satu contoh yang baik untuk menghasilkan industri pelancongan yang maju serta berpeluang bertahan untuk jangka masa yang panjang.

### **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Setiap industri khususnya dalam bidang ekopelancongan mempunyai cabaran yang tersendiri dan halangan untuk mengekalkan kestabilan yang berpanjangan. Penglibatan masyarakat tempatan dalam pengurusan adalah

sangat penting ke arah mencapai pengurusan ekopelancongan yang lestari (Badaruddin, 2002).

### *Kurang penyertaan ahli komuniti pada peringkat awal program homestay*

Pada awal penubuhan *homestay* atau dikenali sebagai pusat peranginan, pengkaji mendapati terdapat pelbagai halangan mahupun cabaran yang perlu dihadapi oleh pihak ahli jawatankuasa Kg. Seri Serbang. Hal ini disebabkan kurang penglibatan komuniti kampung dan tanggapan awal mereka terhadap penubuhan pembangunan *homestay*. Tambahan lagi, kurangnya pendedahan ilmu mengenai konsep pelancongan dalam kalangan komuniti menjadikan hal ini tidak dapat menarik minat mereka untuk turut serta dalam kegiatan ini.

Selain itu juga, cabaran mahupun halangan mengenai penubuhan *homestay* ini adalah penglibatan adalah tidak menyeluruh. Penglibatan komuniti dalam kegiatan *homestay* adalah sangat dipandang rendah pada mulanya. Sememangnya di kawasan Seri Serbang, kegiatan *homestay* adalah mendapat sambutan yang tidak memuaskan. Persepsi-persepsi komuniti itu sendiri yang menyebabkan ianya negatif. Majoritinya komuniti di kawasan tersebut menganggap bahawa kegiatan *homestay* tidak mendatangkan keuntungan yang tinggi. Hal ini telah dinyatakan oleh salah responden di dalam sesi temubual bersama penyelidik.

“...Pada awalnya mesti banyak masalah. Masa mula-mula tu, orang kampung tak nak setuju. Mereka kata tak ada untung kalau kita buat. Lagipun kebanyakan masa tu orang kampung tak ada syarat peruntukan rumah yang selayaknya boleh buat *homestay*. Keadaan rumah kampung kan, banyak yang kurang. Jadi mereka tidak mahu. Jadi mereka rasa banyak modal kena keluar kalau nak ikut program *homestay* ni. Jadi mereka tak nak lah ikut.” (Wak Suratman, 2018)

;

Segelintir ahli komuniti mengatakan kawasan tersebut tidak sesuai untuk menjalankan kegiatan pusat peranginan mahupun aktiviti ekopelancongan. Selain itu, kebanyakan ahli komuniti tidak mahu melibatkan diri disebabkan *procedure* yang ditetapkan oleh pihak pengusaha untuk melepasi syarat-syarat yang telah ditentukan seperti dari segi aspek saiz rumah, tandas, dapur dan bahagian kawasan rumah yang lain di mana ianya sangat dititik beratkan. Oleh yang demikian, keadaan ini telah menyebabkan komuniti tidak berminat dengan syarat yang telah ditetapkan. Justeru itu, mereka tidak mahu menyertai aktiviti *homestay* ini kerana

bimbang dengan pelbagai syarat dan sikap tidak mahu menghadapi risiko dalam diri komuniti di kawasan itu.

Hal ini dapat dibuktikan melalui rakaman temu bual yang dijalankan oleh penyelidik bersama responden.

“Tapi mula-mula tu susah juga macam orang kampung mahu terima bha. Macam penduduk kampung tak sedia bha, ndak belum terbuka hati mereka mahu ikut ni benda bha. Ada yang sampai buat cerita yang ndak bagus sama homestay ni. Banyak lah juga perlu didengar mula-mula. Mereka belum nampak lagi dapat tambah pendapatan untuk bantu penduduk kampung “ (Mak Cik Norma, 2018)

“Ada juga macam mula-mula kelayakan rumah penduduk kampung untuk jadi *homestay* susah bha. Mesti ada syarat-syarat kena ikut. Jadi tahu saja lah rumah penduduk kampung, ada yang kecil ada yang tidak bagus kah rosak kah. Masalah saiz rumah dan kemampuan penduduk kampung susah. Sebab ini kan semua penting untuk ikut syarat. Jadi ndak ramai juga yang mahu ikut jadi tuan rumah ‘homestay’. Jadi mereka tidak berminat bha“ (Mak Cik Norma, 2018)

Tambahan lagi, isu menjadi satu bebanan terhadap penduduk kampung untuk menceburi bidang pelancongan yang dianggap merumitkan keadaan. Hal ini dapat dibuktikan menerusi temu bual yang dijalankan oleh penyelidik terhadap responden.

“Semua pekerjaan sama jak dik. Susah juga mahu dijaga. Macam mula-mula urus ni *homestay* susah juga kan. Sebab kita tidak tahu apa-apa pasal pelancongan. Lagipun kurang bha penglibatan penduduk kampung. Mereka tidak mahu bha ikut ini program. Macam buang masa, buang duit sama mereka takut bha kalau rugi. Tapi bagi mak cik, program ni membantu penduduk kampung tambah pendapatan. Lagipun lama-lama kita suka bha dapat kenal orang sama dapat layan orang. Ada pula yang cakap kawasan kampung ni ndak sesuai kena jadi homestay. Macam-macam lah orang kampung mengata. Macam prosedur, peraturan-peraturan mana penduduk senang mahu faham. Jadi mak cik macam dapat rasa juga bha, hal macam ni bagi mereka bebanan.” (Mak Cik Orkid, 2018).

Oleh itu, pada peringkat awal kegiatan pelancongan di Kg. Seri Serbang melalui penemuan hasil kajian melihat bahawa penglibatan ahli komuniti tidak secara menyeluruh. Tambahan lagi, ramai komuniti yang masih tidak melibatkan diri dalam kegiatan *homestay* ini. Hal ini disebabkan

persepsi segelinitir komuniti kampung yang mengatakan kegiatan ini tidak menarik minat dan langsung tidak mempunyai potensi untuk berkembang maju pada masa akan datang serta mereka beranggapan bahawa ianya tidak memberi pulangan keuntungan yang lebih banyak dan memuaskan.

### *Persaingan kegiatan aktiviti pelancongan dengan pengusaha lain*

Selain itu, cabaran yang sukar dihadapi oleh ahli komuniti Kg. Seri Serbang adalah persaingan *homestay* dengan pengusaha *homestay* yang lain di mana mereka juga menjalankan kegiatan aktiviti pelancongan yang hampir sama. Hal ini menyebabkan ahli komuniti perlu berusaha keras untuk menjadikan tarikan pelancongan mahupun aktiviti ekopelancongan yang dijalankan mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Oleh yang demikian, pengerusi JKK Encik Jeffery menyatakan bahawa beliau sangat menitik beratkan dari segi pengurusan, perkhidmatan khususnya keperluan yang diperlukan oleh pelancong serta keselamatan para pelancong agar memenuhi cita rasa serta kehendak mereka. Tambahan lagi, kebanyakan pelancong yang datang adalah dari negara China, Korea, Jepun dan sebagainya.

Secara tidak langsung, pelancong yang berkunjung akan berpuas hati dengan layanan yang diberikan oleh ahli komuniti. Tambahan lagi, menurut beliau, ahli komuniti juga berusaha dengan mempelajari Bahasa Inggeris agar dapat berkomunikasi dengan baik khususnya bersama pelancong antarabangsa. Sungguhpun demikian, konflik di antara *homestay* di kawasan tersebut tidak begitu ekstrem, mereka hanya menjalankan persaingan secara sihat sahaja untuk mengembangkan dan memajukan *homestay* masing-masing.

### *Kesedaran dan penjagaan sumber alam semulajadi ekopelancongan perlu ditingkatkan oleh ahli komuniti*

Hasil kajian mendapati terdapat pelbagai aktiviti yang ditawarkan ataupun disediakan sesuai dengan keistimewaan daya tarikan kepada para pelancong yang berkunjung ke Seri Serbang. Antara kategori aktiviti yang telah dipecahkan adalah seperti aktiviti sungai, aktiviti kebudayaan, aktiviti masakan tradisional, aktiviti kraftangan, aktiviti petanian, serta aktiviti pengangkutan di mana komuniti membawa pelancong bersiar-siar menaiki kenderaan yang disediakan. Tambahan lagi, pelbagai pakej yang ditawarkan mengikut kesesuaian pelancong serta tawaran harga yang berpatutan

mengikut kemampuan para pelancong. Kesemua aktiviti-aktiviti ini telah didaftarkan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia untuk memastikan kesemua aktiviti ini dilakukan secara sah dan mendapat jaminan keselamatan.

Namun begitu, cabaran yang dihadapi oleh ahli komuniti adalah penjagaan habitat haiwan liar seperti Bayau, monyet dan kelip-kelip yang terdapat di kawasan Seri Serbang. Ahli komuniti menyatakan mereka harus berusaha keras memantau hidupan liar tersebut kerana khuatir jika keselamatan mereka terancam. Hal ini dilihat apabila, para pelancong memberi makanan kepada spesies-spesies monyet yang lain dengan keizinan pemandu pelancong tetapi mereka perlu dipantau kerana segelintir pengunjung pernah melanggar peraturan dengan memberi makanan yang tidak diizinkan oleh pemandu pelancong. Hal ini mampu mengancam kesihatan spesies tersebut.

Seterusnya aktiviti melihat kelip-kelip merupakan salah satu tarikan utama yang dijalankan di Kg. Seri Serbang. Aktiviti ini dijalankan selepas para pelancong selesai menikmati pemandangan matahari terbit sambil menaiki bot pelancong yang diwakilkan oleh pemandu bot serta pemandu pelancong untuk memberi arahan dan penerangan mengenai kawasan setempat dan di temani oleh seorang pembantu bot pelancong. Namun begitu masalah yang dihadapi oleh ahli komuniti adalah penjagaan habitat kelip-kelip ini kerana spesies kelip-kelip hanya tinggal di pokok yang dikenali sebagai pokok Berembang yang ditanam di tepi sungai. Sebagai pengerusi JKK Kg. Seri Serbang iaitu Encik Jeffery menyatakan bahawa larangan keras bagi menjalankan aktiviti penebangan pokok Berembang mahupun menjalankan pembangunan infrastruktur bagi mengelakkan spesies kelip-kelip ini terancam. Tambahan lagi, wakil pihak Jabatan Perhilitan Negeri Sabah juga sering kali berkunjung untuk melakukan pemantauan terhadap kehidupan haiwan liar ini. Oleh yang demikian, hal ini sedikit sebanyak membantu melindungi kehidupan liar ini.

## **Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, aktiviti ekopelancongan berasaskan homestay ini dilihat sebagai pemangkin dalam meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk luar bandar. Hal ini merupakan satu pelaburan yang menguntungkan, berpotensi besar dan berdaya maju di masa hadapan bagi ahli komuniti di kampung Bongawan, Sabah. Tambahan lagi, dari segi



sosiobudaya usaha aktiviti ekopelancongan ini memberi pendedahan pengetahuan yang lebih luas kepada ahli komuniti bagi melakukan anjakan paradigma terhadap diri mereka dan lebih bersikap dan berfikiran terbuka untuk turut serta dalam aktiviti ekonomi bentuk baru seperti homestay dan ekopelancongan. Justeru itu, ahli komuniti ini perlu diberikan penerangan secara mendalam mengenai perancangan pembangunan pelancongan khususnya dari sudut positif serta negatif seawal mungkin agar mereka lebih bersedia menghadapinya di masa akan datang. Secara holistiknya, hasil kajian ini mendapati keberkesanan penglibatan komuniti di Kampung Seri Serbang ini masih tidak menyeluruh dan wajar dipertingkatkan supaya dapat membantu dalam mengembangkan lagi aktiviti pelancongan *homestay* di Kampung Seri Serbang, Bongawan.

Penglibatan ahli komuniti secara lestari dalam aktiviti homestay berasaskan ekopelancongan ini boleh membantu para peserta mengatasi cabaran yang dihadapi oleh mereka dalam membangunkan ekopelancongan ini. Tambahan lagi, usaha untuk melakukan pembaharuan serta penambahbaikan dalam pengurusan *homestay* dan aktiviti ekopelancongan perlu dilakukan oleh pengusaha-pengusaha *homestay* serta ahli komuniti sendiri demi memastikan produk pelancongan dan kehadiran pelancong samada dari dalam atau luar negeri lestari dalam jangka masa yang panjang.

## Rujukan

- Arnstein, S. R. (1969). A Ladder of Citizen Participation. *JAIP* 35 (4): 216-224.
- Badaruddin Mohamed. (2002). *The Development of Ecotourism in Malaysia – Is it really sustainable?* International Year of Ecotourism 2002 Regional Conference in Chiang Mai, Thailand.
- Ceballos-Lascurain H (1996) Tourism, ecotourism and protected areas. Gland, IUCN, Switzerland.
- Cole, G.A. (1995). *Organizational Behavior*. London: DP Publications Ltd.
- Eagels PFJ. (1966). Fragile landscape: Seeking eco benefic. In: *Ecodecision* 20, pp. 17-20.

- Forstner, K. (2004) Community Ventures And Access To Markets: The Role of Intermediaries In Marketing Rural Tourism Products. *Development Policy Review*. 22, 497-514.
- Hall, C. M. And Jenkins, J.M (1998). The Policy Dimension of Rural Tourism and Recreation.
- Huda Farhana Mohamad Muslim, Shinya Numata & Noor Azlin Yahya. (2018). [https://www.researchgate.net/publication/324889605\\_Development\\_of\\_Malaysian\\_Homestay\\_Tourism\\_A\\_Review](https://www.researchgate.net/publication/324889605_Development_of_Malaysian_Homestay_Tourism_A_Review) Diakses pada 2 Disember 2020.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri, 1*(2012), 28-29.
- Kalsom Kayat & Nor Ashikin Mohd Nor (2006). Penglibatan ahli komuniti dalam program pembangunan komuniti: Satu kajian ke atas program homestay di Kedah. *Journal of the Social Sciences and Humanities (Akademika)*, 67: 77-102.
- Mann, M. (2001). *Sustainable Tourism and Ecotourism*, From [Http://Www.Peopleandplanet.Net/Doc/Php?Id=1116](http://www.Peopleandplanet.Net/Doc/Php?Id=1116) Diakses pada 2 Disember 2020.
- Mitchell, J. & A, Ashley, C. (2010). *Tourism and Poverty Reduction: Pathways To Prosperity*. London: Earthscan Mitchell, B. (1997). *Resource And Environmental Management*. Harlow: Logman.
- Mowforth, M. & Munt, I. (1998). *Tourism and Sustainability: New Tourism in the Third World*. London: Routledge.
- Nyaupane, G. P., Morais, D. B., & Dowler, L. (2006). The Role of Community Involvement and Number/Type of Visitors on Tourism Impacts: A Controlled Comparison of Annapurna, Nepal And Northwest Yunnan, China. *Tourism Management*. 27, 1373–1385.
- Rosazman Hussin dan Velan Kunjuraman (2014). Pelancongan mapan berasaskan komuniti (CBT) melalui program homestay di Sabah, Malaysia. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 10 issue 3 (160-174).

Ross S, Wall G (1999) Evaluating ecotourism: The case of North Sulawesi. *Tourism Management in press, Indonesia.*

Scheyvens R (1999) Case study: Ecotourism and the empowerment of local communities. *Tourism Manage* 20, 245-249. DOI: 10.1016/S0261-5177(98)00069-7.

Scheyvens, R. & Storey, D. (ed.). (2003). *Development Fieldwork: A Practical Guide*. London: SAGE Publications.

Tosun, C. (2000). Limit to Community Participation in the Tourism ;Development Process in Developing Countries. *Tourism Management*. 21: 613-633.

Tourism Malaysia (2010). *Laporan tahunan 2009*. Kuala Lumpur. Tourism Malaysia.  
[https://www.tourism.gov.my/pdf/uploads/annualreports/Tourism\\_AR\\_2018.pdf](https://www.tourism.gov.my/pdf/uploads/annualreports/Tourism_AR_2018.pdf) Diakses pada 2 Disember 2020.

Yahaya Ibrahim (2008), *Komuniti Melayu Pulau Tioman: Isu dan Cabaran Dalam Konteks Pembangunan Pelancongan*, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

## **Temu Bual**

Jeffery Hossil, 44 Tahun, Pengerusi Homestay Kampung Seri Serbang. Kampung Seri Serbang, Bongawan, Papar Sabah. 23 Jun 2018.

Norma, 51 Tahun, Penduduk Kampung Seri Serbang. Kampung Seri Serbang, Bongawan, Papar Sabah. 23 Jun 2018.

Orkid, 52 Tahun, Peserta *Homestay* Kampung Seri Serbang. Kampung Seri Serbang, Bongawan, Papar Sabah. 23 Jun 2018.

Wak Suratman, 68 Tahun, Peserta *Homestay* Kampung Seri Serbang. Kampung Seri Serbang, Bongawan, Papar Sabah. 23 Jun 2018.